



# Jabatan Kesihatan Pahang tingkatkan pemberian dos penggalak

Oleh [Asrol Awang](#) - Januari 20, 2022 @ 8:56pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

KUANTAN: Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) meningkatkan pemberian dos penggalak COVID-19 kepada 20,721 individu sehari, berbanding 12,000 individu sebelum ini.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Nor Azimi Yunus, berkata sebanyak 207 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dibuka di seluruh Pahang untuk meningkatkan pencapaian Program Pemberian Vaksin Dos Penggalak (VDP).

"Berdasarkan kemudahan yang disediakan itu, lebih 20,000 kapasiti dos vaksin boleh dilakukan sehari.

"Setakat semalam, seramai 380,002 individu atau 36.2 peratus daripada 1,017,745 orang di negeri ini sudah melengkapkan pengambilan dos penggalak dalam Program VDP," katanya kepada pemberita selepas meninjau pemberian vaksin dos penggalak kepada Orang Kurang Upaya (OKU) di Kompleks Penyayang di sini, hari ini.

Dr Nor Azimi berkata, penerima dos penggalak ini bukan sahaja dalam kalangan mereka yang menerimanya menerusi aplikasi MySejahtera tetapi secara terus tanpa janji temu.

"Oleh itu, kita harap mereka yang sudah menerima dua dos dapat melengkapkan dengan pengambilan dos penggalak apabila menerima notifikasi daripada MySejahtera atau secara terus ke PPV," katanya.



Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus (kiri) meninjau pemberian vaksin dos penggalak kepada Orang Kurang Upaya (OKU) di Kompleks Penyayang di sini, hari ini. - Foto NSTP/Farizul HAfiz Awang